

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir

19 DEC

PERTINGKATKAN SUMBANGAN KEPADA UNIVERSITI



PULAU PINANG, 19 Disember 2017 – Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Datuk Dr. Asma Ismail menyarankan semua warga Universiti untuk mempertingkatkan sumbangan kepada kejayaan universiti dan tidak hanya tertumpu kepada tugas-tugas tertentu sahaja.

“Kehebatan Universiti adalah hasil usaha dan kejayaan kita semua sebagai warga USM dan jangan dilupa meraikan juga pencapaian para pelajar dalam bidang akademik dan juga ko-kurikulum,” tambah beliau.

Naib Canselor berkata demikian di Majlis Penghargaan dan Pengiktirafan Universiti 2017 yang meraikan 386 orang staf dalam tiga kategori iaitu Anugerah Jasamu Dikenang, Anugerah Sanjungan Budi dan Anugerah Pengiktirafan Universiti.



Majlis penghargaan ini diadakan buat kali kedua dan dianjurkan oleh Bahagian Sumber Manusia Jabatan Pendaftar bagi mengiktiraf pencapaian dan menghargai khidmat bakti staf.

Seramai 176 staf yang berpujian pada tahun ini menerima Anugerah Jasamu Dikenang manakala 34 orang staf menerima Anugerah Sanjungan Budi iaitu staf yang telah berkhidmat dengan Universiti selama 25 tahun.

Pada majlis yang sama, seramai 176 orang staf yang berjaya dalam proses kemajuan kerjaya iaitu kenaikan pangkat dalam pelbagai gred jawatan menerima Anugerah Pengiktirafan Universiti.



Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Profesor Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah, Pendaftar Profesor Dato' Dr. Abd. Aziz Tajuddin, Pengarah Bahagian Sumber Manusia, Dr. Musa Ali serta ketua-ketua jabatan dan pegawai utama universiti.

Teks: Nor Rafizah Md Zain/Foto: Ebrahim Abdul Manan



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>).

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>).

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015